

18 JAN 2003

ADK-Kempen

KEMPEN PERANGI DADAH 2003 BERI TUMPUAN KEPADA ATS

JOHOR BAHRU, 19 Jan (Bernama) -- Kempen Perangi Dadah 2003 akan memberi tumpuan kepada dadah jenis baru iaitu Perangsang Jenis Amphetamine (ATS) kerana ia merupakan dadah paling berbahaya yang banyak melibatkan golongan kelas pertengahan.

Timbalan Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan, Haji Abd Rashid Mat Adam berkata walaupun penggunaan dadah jenis itu yang diseludup masuk dari negara jiran masih belum meluas, usaha membendung gejala itu perlu dimulakan segera.

Kajian menunjukkan dadah jenis ATS mencatatkan penggunaan kedua tertinggi selepas ganja manakala heroin di tempat ketiga, katanya pada sidang media selepas melancarkan Sukaneka Penghuni Pusat Serenti Tampoi, di sini, hari ini.

Abd Rashid berkata pengambilan dadah jenis itu boleh menjadikan mereka ketagih selain memberi risiko yang tinggi terhadap kesihatan mental.

"Untuk tujuan itu, program intensif dadah akan memberi tumpuan kepada sekolah, Institusi Pengajian Tinggi, tempat kerja dan keibubapaan yang akan dilancarkan Mac depan di Kuala Lumpur oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Menurut Abd Rashid, program yang dijayakan itu diharap dapat memenuhi sasaran kerajaan untuk menjadikan negara ini bebas dadah menjelang tahun 2015.

"ADK bukan sahaja menumpukan kawasan berisiko tinggi dalam program itu bahkan di kawasan luar bandar dan mengenal pasti tempat-tempat yang akan menjadi tumpuan penagih," katanya.

Beliau yakin hasrat kerajaan itu boleh tercapai jika semua pihak termasuk anggota masyarakat dan pelbagai agensi kerajaan sedia bekerjasama untuk memerangi dadah secara habis-habisan.

Setakat ini terdapat kira-kira 10,000 penagih berada di 28 buah Pusat Serenti di seluruh negara yang membabitkan kos RM70 juta setahun bagi membiayai pelbagai program dan pengurusan mereka, katanya.

Abd Rashid juga menggesa negeri-negeri supaya menubuhkan Persatuan Alumni Bekas Pelatih Serenti yang bertindak sebagai badan kaunseling dan mengawasi aktiviti bekas pelatih Pusat Serenti.

Setakat ini, katanya, cuma Kuala Lumpur sahaja yang mempunyai Alumni yang ditubuhkan kira-kira dua tahun lalu dan ia memberi respon yang bagus.

"Menerusi Alumni, bekas penagih akan bergerak secara berkumpulan dan sekiranya berbangkit masalah, mereka dalam kumpulan itu akan bertindak sebagai penasihat," katanya sambil menjelaskan Pengarah ADK Negeri akan bertindak sebagai pembimbing kepada anggota persatuan Alumni itu.

Terdahulu, Pengarah ADK Johor Yusof Omar berkata objektif sukaneka itu adalah bagi mengeratkan hubungan siratulrahim di kalangan pelatih dan kakitangannya selain mencungkil bakat pelatih yang boleh diketengahkan sebagai dorongan untuk mengubah cara hidup mereka.

"Kita cuba menerapkan ciri-ciri kepimpinan dan semangat kerjasama untuk berjaya dalam sesuatu bidang yang diceburi," dan menambah kata bekas pelatih itu selalunya tidak mempunyai keyakinan diri apabila berhadapan dengan anggota masyarakat.

-- BERNAMA

BH MNY PR